



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

27 Jan 2021 (Rabu)

Berita Harian

Ambil peduli kesihatan fizikal, mental petugas barisan hadapan 1

Utusan Malaysia

Selangor E-Bazar CNY dilancar 2

Harian Metro

Selangor kerjaya tawar 10000 kerja 3

Kosmo

2.8 juta berisiko hilang kerja 4

25,000 PKS, penjual baharu sertai E-Bazar Tahun Baru Cina 5

Sinar Harian

Teliti PKP penuh dengan cadangan lain 6

Tperalatan LRA tenggelam akibat banjir 7

12,500 usahawan baharu dijangka sertai Selangor 'E-Bazar CNY' 8

Nasional FM (87.7)

Inisiatif Kerajaan Membuka Peluang Pekerjaan 9

RTM1

Kerajaan Negeri Salurkan RM4 Juta Jayakan Kempen 10

Selangor TV

E-Bazar Tahun Baru Cina Mula 1 Februari 11

EXCO Tinjau Projek Rawatan Air Sungai Gong 12

Industri Aeroangkasa Jana Masyarakat Berpendapatan Tinggi 13

JAIS Arah Masjid, Surau Baca Yasin Setiap Malam 14

Kempen E-Bazar Tahun Baru Cina Sasar Penyertaan 25,000 Usahawan 15

Khidmat Kerjaya Percuma, Kerajaan Negeri Tanggung RM58 Juta 16

Pahang, Kelantan Dan Terengganu Terima Bantuan Banjir RM2 Juta. 17

Selangor E-Bazar Tahun Baru Cina Sasar 25,000 Penyertaan Usahawan. 18

Selangor Kerjaya Bangun Keupayaan Sedia 10,000 Pekerjaan 19

Selangor Kerjaya Sedia 10,000 Peluang Pekerjaan Pasca Wabak. 20

Selangor Serah Bantuan Banjir, Bantu Tiga Negeri Terjejas 21

The Star

900 famili given food baskets in Klang 22

New Straits Times

Air Selangor allocates more to replace old pipes 23

The Sun

25,000 vendors to take part in E-Bazaar 24

The Malaysian Reserve

A good run expected for Selangor e-Bazar CNY campaign 25

Traxx FM (90.3)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor E-Bazar Tahun Baru Cina Sasar 25,000 Penyertaan Usahawan.	26
China Press	
MPK placed garbage chutes at 154 locations for residents to throw large garbage starting today.	27
"I really want to accompany you to celebrate CNY" contest solicits the most creative message, public can win a "Big Ang Pow"	28
Nanyang Siang Pau	
Moved from Perak to Puchong, SJKC Poi Min's new school location finally settled	29
Selangor government has allocated RM2 million for the launch of an online CNY festival bazaar to help businesses develop business opportunities	30
Selangor government set up job matching website	31
Lim Guan Eng: PH's renewable energy target is suspected to be abandoned by PN	32
Guang Ming Daily	
Join hands with 2 major e-commerce platforms, Selangor launches new spring line listing set	33
Kwong Wah Yit Poh	
Minister Selangor supports national vaccination, It is recommended to give priority to foreign workers	34
Makkal Osai	
Illegal business at home; goods seized	35
RTM2	
Kerajaan Selangor Salurkan RM4 Juta Kempen Selangor E-Bazar City Dan Hari Raya	36



KERATAN AKHBAR
27 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Ambil peduli kesihatan fizikal, mental petugas barisan hadapan
Muka Surat	:	11

Ambil peduli kesihatan fizikal, mental petugas barisan hadapan

Pandemik COVID-19 ancaman terbesar manusia dengan kadar mortaliti tinggi. Kini, masalah COVID-19 begitu kritikal sehingga Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan pengisytiharan darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung wabak itu di Malaysia.



**Prof
Dr Sapora
Sipon**

Baginda juga berkenan dengan pembentukan Jawatankuasa Bebas dianggotai Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar kesihatan dan yang berkaitan. Ia menunjukkan kerajaan amat berhasrat supaya pelaksanaan darurat dilihat secara telus.

Petugas barisan hadapan paling banyak berurusan dengan orang ramai semasa pandemik dan ternyata COVID-19 memberi kesan kepada masalah kesihatan mental seperti stres, selain kebimbangan dan kemurungan.

Konsultant Kajian dan Strategi, Greenberg (2020) melaporkan antara faktor penyumbang tahap stres tinggi dalam kalangan petugas barisan hadapan ialah kekurangan kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE), pendedahan kepada pesakit dijangkiti dan bebanan tugas berlebihan.

Lai et al (2019) pula melaporkan faktor kekurangan sokongan dan ketakutan berhadapan kematian dan morbiditi adalah penyumbang masalah kesihatan mental petugas barisan hadapan.

Status kelompok ini yang turut terbabat secara langsung dengan diagnosis, rawatan dan penjagaan pesakit juga

menjadi faktor penyumbang masalah psikologikal mereka.

Justeru, melindungi pekerja petugas barisan hadapan dengan menyediakan sokongan sosial, emosi dan keagamaan satu keutamaan di mana ia boleh meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Mereka perlu mendapat pembelaan dari sudut penjagaan keselamatan diri.

BH pada 27 Oktober 2020 melaporkan lebih 10,000 pegawai dan anggota polis dikuarantin, manakala sekurang-kurangnya 200 lagi sedang dirawat selepas disahkan positif COVID-19. Pasukan polis adalah petugas barisan hadapan berpotensi besar terdedah wabak itu kerana berada paling hampir dengan rakyat yang belum dipastikan tahap jangkitan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, dalam laporan sama menjelaskan kadar tinggi jangkitan dalam kalangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) membantutkan keupayaan dan kekuatan pasukan

dalam penugasan menjaga keselamatan serta keamanan negara.

Dalam memastikan kebajikan petugas barisan hadapan terjaga, di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAD), Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan pemberian sekali gus RM500 kepada semua petugas barisan hadapan kesihatan dan RM300 kepada petugas barisan hadapan lain yang mula dibayar pada suku tahun pertama tahun ini.

Ia membuktikan kerajaan amat prihatin dalam menghargai peranan mereka yang bertungkus-lumus berusaha mengekang penularan wabak COVID-19.

Kementerian Kesihatan (KKM) juga diberikan peruntukan RM800 juta bagi keperluan petugas barisan hadapan membabitkan perolehan PPE, reagen, kit saringan, pensanitasi tangan dan ba-

han guna habis. Seramai 3,500 kakitangan bertaraf kontrak pula diambil pada hujung Januari 2021 membabitkan jururawat, paramedik dan sebagainya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pakej itu membolehkan KKM mempunyai sumber mencukupi untuk memastikan sistem kesihatan awam terus berkhidmat kepada rakyat bagi memerangi pandemik.

Kerajaan negeri juga melaksanakan banyak program dalam membantu meringankan bebanan petugas barisan hadapan. Antaranya 'Pakej Kita Selangor' memperuntukkan RM3 juta untuk meneruskan pemberian bantuan makanan tengah hari dan malam kepada 13,322 petugas barisan hadapan merangkumi kakitangan kesihatan, polis dan tentera.

Kerajaan Selangor juga melaksanakan Inisiatif Cakna Anak Barisan Hadapan iaitu pengoperasian TASKA dan pusat jagaan sementara di hospital awam serta premis sementara percuma untuk anak-anak barisan hadapan.

Jelas, kesihatan fizikal dan mental petugas barisan hadapan perlu diberi perhatian. Banyak kemudahan disediakan kerajaan untuk mereka selari pengorbanan besar dicurahkan ketika COVID-19. Mereka juga perlu memastikan kesihatan emosi dipelihara dengan mendapat sokongan sosial di samping menerima perkhidmatan kesihatan mental sewajarnya.



Penulis adalah Pensyarah Program Kaunseling, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor E-Bazar CNY dilancar
Muka Surat	:	36

Selangor E-Bazar CNY dilancar

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
 shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan negeri Selangor akan melancarkan kempen Selangor E-Bazar Tahun Baharu Cina (CNY) bermula 1 Februari hingga 7 Mac 2021

Kerajaan negeri akan menyalurkan RM2 juta dalam bentuk baucar kepada platform jualan atas talian *Shopee* dan *Lazada*.

Exco Industri dan Perdagangan YB Datuk Teng Chang Khim berkata, kempen tersebut bertujuan membantu perusahaan kecil dan mikro (PKS) menerapkan digitalisasi dalam perniagaan mereka untuk terus bertahan dalam situasi ekonomi yang mencabar kerana pandemik Covid-19.

“Walaupun kita perlu mengamalkan penjarakan sosial untuk memutuskan rantaian Covid-19, kita tidak seharusnya melupakan hubungan kita bersama keluarga dan sahabat.

“Kempen Selangor E-Bazar CNY menyediakan platform yang selamat untuk keluarga dan rakan-rakan berbincang mengenai makanan dan barang perayaan,” katanya dalam satu kenyataan.

Jelasnya, walaupun tidak dapat pulang ke kampung untuk menyambut perayaan pada tahun ini, membeli hadiah melalui platform tersebut mampu menunjukkan rasa kasih sayang kepada keluarga dan rakan-rakan.

Kempen yang diselenggarakan bersama Invest Selangor Berhad dan Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEK) Sdn. Bhd.



INVEST Selangor dan SIDEK Sdn. Bhd. bekerjasama menganjurkan Selangor E-Bazar sempena Tahun Baru Cina untuk menggalakkan digitalisasi dalam kalangan PKS. - GAMBAR HIASAN

itu menyasarkan penyertaan 25,000 PKS serta perniagaan mikro, termasuk 12,500 penjual baharu.

Menurut Teng Chang, sebelum ini dua kempen Selangor E-Bazar, PKS telah menghasilkan kesan riak sebanyak RM1.39 bilion melalui jualan terus seba-

nyak RM43.76 juta dari baucar bernilai RM3 juta oleh kerajaan negeri Selangor.

“Itu membuktikan bahawa agenda ekonomi digital kerajaan negeri telah membantu para peniaga menjana pendapatan lebih banyak secara dalam talian,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor kerjaya tawar 10000 kerja
Muka Surat	:	7

Selangor Kerjaya tawar 10,000 kerja

Shah Alam: Program Selangor Kerjaya bakal menawarkan 10,000 peluang pekerjaan dalam tempoh tiga tahun pascawabak Covid-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebagai permulaan 2,000 peluang ditawarkan kepada lepasan universiti, vokasional dan sekolah menengah.

Katanya, usaha berkenaan turut dikhususkan kepada individu yang hilang pekerjaan tahun ini akibat penularan wabak Covid-19.

“Matlamat dan sasaran Selangor Kerjaya ini berpotensi bagi membantu me-

nyuntik kembali ekonomi negeri Selangor yang mana sektor industri yang terabit dalam menjayakan program ini adalah syarikat besar dan ternama yang mempunyai rekod karier positif serta memberangsangkan.

“Program ini akan memanfaatkan semua pihak iaitu belia yang mencari pekerjaan, majikan yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran dan kerajaan negeri yang berpeluang mempelbagaikan peluang pekerjaan secara tidak langsung menangani masalah pengangguran,” katanya



KERATAN AKHBAR
27 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	2.8 juta berisiko hilang kerja
Muka Surat	:	4

13,445 syarikat tutup operasi antara Mac hingga Oktober 2020

2.8 juta berisiko hilang kerja

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Seramai 2.8 juta rakyat berisiko hilang pekerjaan jika kerajaan melaksanakan penutupan penuh terhadap sektor ekonomi berikutan pandemik Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, seramai 2.5 juta pekerja pula akan terjejas pendapatan dan sukar meneruskan kelangsungan hidup.


"Kehilangan pendapatan golongan B40 dalam tempoh sebulan dianggarkan RM6.45 bilion dengan purata RM2,400 satu keluarga.

"Sejak pelaksanaan PKP pada Mac 2020 hingga Oktober 2020 sebanyak 13,445 syarikat telah pun tutup operasi. Ini bermakna ramai pekerja telah hilang pekerjaan," katanya pada sidang akhbar semalam.

Bagaimanapun, Ismail Sabri berkata, kerajaan belum memutuskan sama ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 digantikan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selepas 4 Februari ini.

Menurut beliau, kerajaan sentiasa menimbang antara kesan kesihatan dan ekonomi terhadap rakyat dan negara sebelum membuat sebarang keputusan.

Jelas beliau, kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah kelmarin



KAKITANGAN Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Klang melakukan operasi disinfeksi di Kompleks Pasar Besar Jalan Meru, Klang kelmarin. – ZULFADHLI ZAKI

cuma memberi gambaran kemungkinan PKP digantikan kepada PKPB untuk mengelakkan pembelian panik.

"Beliau cuma menjawab isu tular seolah-olah pasti PKP diperketatkan sehingga tiada perniagaan, tiada keluar masuk yang akan menyebabkan pembelian panik," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri

berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan permintaan beberapa sektor perniagaan diberi kelonggaran beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 2.0.

Menurut beliau, permintaan itu termasuk daripada peniaga pasar malam, kedai cuci kenderaan, premis gunting rambut dan beberapa sektor lagi.

Selain itu, katanya, pasangan suami isteri yang tinggal berjauhan disebabkan bekerja dibenarkan merentas negeri untuk bertemu dengan keluarga masing-masing bermula hari ini.

Namun, jelasnya, kelonggaran itu dengan syarat mereka perlu mendapat kebenaran dan kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu.



KERATAN AKHBAR
27 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	25,000 PKS, penjual baharu sertai E-Bazar Tahun Baru Cina
Muka Surat	:	16

25,000 PKS, penjual baharu sertai E-Bazar Tahun Baru Cina

SHAH ALAM – Seramai 25,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perniagaan mikro dan penjual baharu disasarkan menyertai kempen Selangor E-Bazar Tahun Baru Cina yang akan berlangsung selama 35 hari bermula 1 Februari ini.

Kempen itu diselaraskan bersama Invest Selangor Berhad dan Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEK) Sdn. Bhd. turut mendapat peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM2 juta dalam bentuk baucar e-dagang Shopee dan Lazada.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Perindustrian Datuk Teng Chang Khim berkata, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali kedua ini memerlukan perniagaan untuk mendigitalisasikan perniagaan mereka bagi memastikan aliran tunai berterusan.

“Kempen Selangor E-Bazar itu sediakan platform yang sela-

mat untuk keluarga dan rakan-rakan berbincang mengenai makanan dan barang perayaan termasuk limau mandarin, biskut perayaan serta hamper dan menghantarnya kepada ibubapa serta rakan-rakan di kampung.

“Ini menunjukkan platform E-Bazar bersesuaian dalam menunjukkan kasih sayang kita kepada mereka walaupun dalam pandemik Covid-19,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, agenda ekonomi digital kerajaan negeri telah terbukti menerusi dua kempen Selangor E-Bazar sebelum ini membantu para peniaga mengharungi cabaran Covid-19

“Menerusi dua kempen itu, PKS telah menghasilkan kesan riak (*ripple effect*) sebanyak RM1.39 bilion melalui jualan terus sebanyak RM43.76 juta daripada baucar bernilai RM3 juta oleh kerajaan negeri,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Teliti PKP penuh dengan cadangan lain
Muka Surat	:	11

Teliti PKP penuh dengan cadangan lain

Mohamed Azmin nyatakan penutupan penuh ekonomi boleh diganti dengan langkah lain

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh yang ingin dijalankan untuk mengatasi gelombang ketiga pandemik Covid-19 perlu dilihat bersama cadangan dan strategi yang lain.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan boleh

mempertimbangkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di kawasan tapak pembinaan.

"Tambahan kita juga dapat meningkatkan jumlah ujian yang disasarkan dan mengatur kos pembiayaan kit ujian RTK-Antigen yang lebih berpatutan dalam skala yang lebih besar terutama kepada industri.

"SOP untuk acara sosial juga perlu lebih diperketatkan memandangkan larangan merentas negeri telah dikenakan buat sementara waktu ini," katanya dalam kenyataan di Facebook beliau di sini pada Isnin.

Terdahulu, tular berkaitan satu surat daripada Dewan Perdagangan dan In-

dustri EU-Malaysia (EuroCham Malaysia) yang melaporkan kerajaan akan mengumumkan penutupan ekonomi secara total selepas 4 Februari depan sekiranya jumlah kes Covid-19 di negara ini terus menunjukkan peningkatan.

Kemudian, EuroCham dalam satu kenyataan menyatakan bahawa surat pekeliling dalam yang sulit dihantar kepada semua anggota mereka adalah untuk menyampaikan keputusan perbincangan tidak rasmi tentang usaha kerajaan dalam menangani penyebaran Covid-19.

Tambah Mohamed Azmin, gesaan tersebut dilakukan adalah untuk memberi kelonggaran kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan seperti biasa.



MOHAMED AZMIN

Menurutnya, masyarakat perlu menjaga tingkah laku, penyesuaian dan juga patuh terhadap arahan agar masalah wabak ini dapat dibendung dengan baik.

"Penting untuk diketahui bahawa pandemik Covid-19 bukan hanya menda-

tanjang masalah kesihatan dan juga ekonomi, namun ia juga memberikan kesan kepada rakyat.

"Kehilangan pendapatan bagi ketua keluarga akan memberikan kesan yang buruk kepada kehidupan sesebuah keluarga tersebut," kata beliau.

Dalam kenyataan sama, beliau berkata, pandangan orang awam adalah cadangan yang terbaik untuk pembinaan negara dan harus diterima oleh semua pihak.



Laporan Sinar Harian pada Isnin.



KERATAN AKHBAR
27 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tperalatan LRA tenggelam akibat banjir
Muka Surat	:	22

Peralatan LRA tenggelam akibat banjir

26 loji rawatan air gagal beroperasi sepanjang bencana itu di Pahang

oleh NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Sebanyak 26 Loji Rawatan Air (LRA) gagal beroperasi dalam kejadian banjir yang melanda negeri ini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif

Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip), Saiful Zaini Mohd Bokhari berkata, ia berikutan peningkatan paras air sungai yang menenggelamkan LRA dan peralatannya.

Menurutnya, ada LRA gagal beroperasi disebabkan terputus bekalan elektrik dan kejadian tanah runtuh di beberapa kawasan yang menyebabkan jajaran paip terputus atau pecah.

"Dalam melaksanakan kerja-kerja pemulihan bekalan air kepada pengguna, Paip telah menerima bantuan daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, syarikat operator air

dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Antara agensi yang tampil membantu ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Ranhill SAJ, Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Syarikat Air Darul Aman



SAIFUL ZAINI

(SADA)," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Saiful Zaini berkata, bantuan turut diterima daripada Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Lembaga Air Perak (LAP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

"Bantuan yang dihulurkan itu membantu melancarkan usaha yang dijalankan pihak Paip untuk mempercepatkan

agihan bekalan air kepada pengguna yang terjejas .

"Pihak Paip turut menerima bekalan air minuman sepanjang tempoh bencana banjir yang telah berlaku baru-baru ini," katanya.

Tambah beliau, pihak Paip merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung di atas bantuan yang telah diberikan.

"Semoga jalinan kerjasama yang baik ini akan berterusan pada masa akan datang," ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **27 January 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	12,500 usahawan baharu dijangka sertai Selangor 'E-Bazar CNY'
Muka Surat	:	31

12,500 usahawan baharu dijangka sertai Selangor 'E-Bazar CNY'

KERAJAAN negeri Selangor menyasarkan 25,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perniagaan mikro sedia ada, termasuk 12,500 penjual baharu menyertai kempen Selangor E-Bazar Tahun Baharu Cina (CNY) yang bermula 1 Februari hingga 7 Mac depan.

Exco Pelaburan, Industri dan Perdagangan, Perusahaan Kecil dan Sederhana negeri, Datuk Teng Chang Khim berkata, melalui kempen berkenaan, kerajaan negeri akan menyalurkan subsidi sebanyak RM2 juta dalam bentuk bawcar pembelian kepada platform e-dagang iaitu Shopee dan Lazada.

Beliau berkata, pelaksanaan kempen tersebut dijalankan seperti Selangor E-Bazar sebelum ini yang bertujuan menyediakan platform selamat untuk pengguna beli pelbagai barangan dengan harga berpatutan secara online.

“Di samping itu, kempen ini juga bertujuan membantu PKS dan perniagaan mikro menerapkan digitalisasi dalam perniagaan mereka untuk terus bertahan dalam situasi ekonomi yang mencabar pasca Covid-19,” katanya pada sidang akhbar secara maya sempena pelancaran kempen tersebut di Shah Alam pada Selasa.

Chang Kim berkata, usahawan Selangor yang berminat untuk menyertai kempen tersebut boleh mendaftar sama ada di laman web www.sittec.com.my dan di portal Lazada atau Shopee.

Katanya lagi, dua kempen Selangor E-Bazar yang dilaksanakan tahun lepas yang mencapai nilai jualan langsung sebanyak jutaan ringgit membuktikan agenda ekonomi digital kerajaan negeri telah berjaya membantu peniaga menjana pendapatan lebih banyak secara dalam talian. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Inisiatif Kerajaan Membuka Peluang Pekerjaan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Salurkan RM4 Juta Jayakan Kempen
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	E-Bazar Tahun Baru Cina Mula 1 Februari
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	EXCO Tinjau Projek Rawatan Air Sungai Gong
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Industri Aeroangkasa Jana Masyarakat Berpendapatan Tinggi
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	JAIS Arah Masjid, Surau Baca Yasin Setiap Malam
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Kempen E-Bazar Tahun Baru Cina Sasar Penyertaan 25,000 Usahawan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Khidmat Kerjaya Percuma, Kerajaan Negeri Tanggung RM58 Juta
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Pahang, Kelantan Dan Terengganu Terima Bantuan Banjir RM2 Juta.
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selangor E-Bazar Tahun Baru Cina Sasar 25,000 Penyertaan Usahawan.
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
